



KETIKA LELAKI MENGUNGKAPKAN *I LOVE YOU*

JIKA SETIAP INDIVIDU MEMPUNYAI HAK UNTUK BERBICARA, TIDAK ADA BEZANYA JUGA DENGAN CINTA. MEMILIH, MENERIMA DAN MEMILIKI MEMERLUKAN MASA, BEGITU JUGA UNTUK MENGUCAPKAN *I LOVE YOU*. EGO AKAN DIPERSALAHKAN KERANA TIDAK BERANI DALAM MELUAHKAN, NAMUN LELAKI PUNYA SEBAB TERSIRAT LAIN YANG WANITA TIDAK TAHU APABILA DISOAL MENGENAI 'CINTA'.

Teks: Nurmalia

Cinta merupakan asas dalam kehidupan. Setiap manusia di muka bumi ini dicipta berpasang-pasangan, namun ada yang masih bujang dan selesa dengan statusnya. Tidak lengkaplah sesebuah kehidupan jika tiada unsur cinta antara lelaki dan wanita. Januari menjadi lembaran baru buat dunia lelaki. Sikap lelaki yang dahulunya kolot berfesyen dan tidak tahu menghargai wanita tidak lagi menjadi nukilan di dada akhbar. Namun, adakah ini bermakna lelaki lebih menyayangi?

Wanita sering berhadapan dengan lelaki yang keliru tentang perasaan mereka. Mencintai namun menunjukkan perilaku tidak berminat terhadap pasangan, menyebabkan wanita turut sama keliru.

Namun, itulah namanya cinta, segala-galanya tidak masuk akal. Belajarlah tinggi ke menara gading mana pun, jika ia dikaitkan dengan cinta, segala-galanya kelihatan bodoh.

Jangan sangka lelaki tidak punya pendirian, walaupun ada kalanya mereka kelihatan dungu dalam percintaan, jika hati mereka sudah terpaut pada satu raut wajah, maka pendirian mereka tidak akan berubah. Datanglah badai mana pun, iman mereka tetap teguh.

Sifat ego dalam diri lelaki tidak pernah luntur walaupun menerima didikan berbeza-beza terutamanya lelaki di Malaysia. Tidak seperti lelaki barat, yang mengagung-agungkan cinta mereka kepada umum, lelaki Melayu lebih gemar memendam dan menganggap wanita di sisi mereka bisa baca minda mereka. Meluahkan bukan bidang mereka. Jadi ungkapan *I love you* atau sayang jarang sekali terpacul dari bibir mereka, umpama jongkong emas di bibir ketika ayat tersebut ingin diucapkan.

Perasaan tidak boleh dipaksa apabila dikaitkan dengan cinta, mungkin wanita sering mendesak lelaki untuk mengungkap 3 perkataan keramat ini, namun ada sebab mengapa lelaki sukar meluahkan. Ada kalanya, perasaan mereka belum cukup teguh untuk mengungkap perkataan tersebut. Jika mereka benar-benar lelaki, ungkapan cinta bukan satu kemestian. Mereka ini berpegang pada:

'Jangan pikat wanita kalau tak bersedia cintakan dia, jangan buat wanita jatuh cinta kalau tak cintakan dia, jangan memberi wanita harapan kalau tak pasti, jangan sakitkan hati wanita kalau tiada hati untuknya'.

Maka, jika lelaki tidak pasti akan perasaan mereka, sukar untuk ungkapan cinta diluahkan. Lelaki akan berfikir berulang kali sama ada perasaan mereka ini hanya bersifat sementara yang hanya tertarik pada kecantikan wajah atau wanita itu pantas untuk dijadikan suri dalam hidupnya, yang mampu menjadi isteri, menantu dan ibu kepada anak-anak mereka.

Mungkin lelaki terkenal dengan sifat mereka yang tidak ambil peduli akan perkara remeh seperti hari kelahiran kucing teman wanita, tarikh pasangan mereka datang bulan, kerana ia bukan satu kewajipan untuk mereka. Kelengkapan setelah mendirikan rumah tangga, hubungan pasangan dan keluarganya serta kewajipannya sebagai anak lelaki lebih kerap bermain dalam minda mereka.

It's all about timing! Setelah benar-benar yakin dengan perasaan bahawa wanita itu adalah yang terbaik, pasti perasaan cinta akan diluahkan. Mungkin setelah dua atau lima tahun tempoh hubungan, baru lelaki meluahkan? Ia bergantung. Tidak semua orang mempunyai tahap kelajuan hubungan yang sama.

Jangan memaksa, kerana paksaan akan menjarakkan hubungan bukan mendekatkan lagi hubungan. Yakin dengan hubungan anda. Tidak salah untuk terus bertahan dan bersabar. Jika kesabaran membawakan hasil lumayan di kemudian hari, mengapa tidak mahu berjudi dalam perhubungan? Cinta memerlukan kesabaran yang tinggi, barulah ia boleh mencapai mandat yang tertinggi.

Sebelum lelaki cintakan pasangan sehidup semati, diri dan keluarga dahulu harus dicintai. Jangan mendesak lelaki untuk mengucapkan cinta, kerana jika masa telah tiba, hati telah bersedia, ayat itu akan keluar secara bersahaja tanpa ada prasangka. Jika ini berlaku, tahniah wanita! Dia benar-benar cintakan anda.